

Headline	TNB peruntuk capex RM18.8 bilion		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	305 cm ²	Journalist	NOR SYARIZA
PR Value	RM 23,837		



Menambah baik transmisi dan grid pengedaran sejajar dengan langkah pendigitalan **TNB peruntuk capex RM18.8 bilion**

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Bhd. (TNB) memperuntukkan pelaburan modal (capex) bernilai RM18.8 bilion bagi tempoh tiga tahun bermula tahun ini di bawah program Tempoh Pengawalselaian kedua yang akan digunakan untuk tujuan penambahbaikan transmisi dan grid pengedarannya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd, berkata, daripada nilai itu, sebanyak RM2.7 bilion akan dilaburkan di bawah teknologi Grid Masa Depan dalam tempoh tiga tahun.

"Teknologi tersebut berupaya

membantu menambah baik kebolehpercayaan dan keberkesanan grid.

"Ia termasuk bagi pemasangan sejumlah 340,000 meter pintar di Melaka dan pemasangan tambahan 1.2 juta meter pintar di Lembah Klang.

"Pelaburan tersebut adalah sejajar dengan langkah pendigitalan yang sedang dilaksanakan oleh TNB, seiring dengan perkembangan teknologi semasa," katanya pada sidang akhbar sempena Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) TNB ke-28 di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dan Ketua Pegawai Kewangannya, Datuk Fazlur Rahman Zaimuddin.

Mengenai usaha pendigitalan



TNB, Azman berkata, syarikat memberi penekanan terhadap segmen-segmen kritikal seperti perkhidmatan pelanggan dan pengedaran.

"Ini kerana dua bidang ini adalah yang paling banyak menerima kesan daripada proses digitalisasi.

"Disebabkan itu, syarikat memperuntukkan pelaburan yang signifikan untuk menambah baik kedua-dua segmen berkenaan," jelasnya.



LEO MOGGIE (tengah) bersama Azman (kiri) dan Fazlur melihat buku laporan tahunan TNB pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke 28 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur semalam.